

01 AUG 2000

Mahkamah-Anwar

MAHKAMAH TOLAK PERMOHONAN ANWAR MINTA KETUA HAKIM NEGARA TARIK DIRI

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan hari ini menolak permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya Ketua Hakim Negara Tun Eusoff Chin menarik diri daripada mendengar rayuannya terhadap keputusan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu memberi keterangan pada perbicaraannya terhadap tuduhan liwat.

Eusoff yang mengetuai panel tiga hakim yang mendengar permohonan itu berkata, hakim-hakim lain yang menganggotai panel itu mahukan beliau tidak menarik diri dan terus mendengar rayuan itu.

"Hakim-hakim yang bersidang mahukan saya supaya tidak menarik diri dan kami menolak permohonan itu," kata beliau.

Dua orang lagi hakim itu ialah Hakim Besar Malaya Tan Sri Wan Adnan Wan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Abdul Malek Ahmad.

Anwar sendiri membuat permohonan itu selepas melepaskan tujuh orang peguam, diketuai oleh Christopher Fernando.

Yang lain ialah Karpal Singh, Gurbachan Singh, Sankaran Nair, Zulkifli Nordin, Pawancheek Merican dan Saiful Izham Ramli.

Anwar melepaskan para peguamnya selepas Eusoff memutuskan bahawa bekas timbalan perdana menteri itu sendiri boleh berhujah kepada mahkamah dengan syarat beliau melepaskan peguam-peguamnya.

Dalam permohonannya, Anwar berkata lanjutan tempoh perkhidmatan Eusoff selama enam bulan sebagai Ketua Hakim Negara yang berakhir Jun lepas ialah untuk memastikan tindakan tidak diambil terhadapnya (Eusoff).

"...Yang lebih membimbangkan saya ialah (lanjutan tempoh sebagai Ketua Hakim Negara) untuk memastikan bahawa rayuan saya ditolak," kata beliau ketika berhujah kepada mahkamah.

Anwar berkata kebimbangan lain ialah berdasarkan hakikat bahawa sebagai timbalan perdana menteri ketika itu, beliau langsung tidak mengetahui hakikat bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) telahpun menyediakan laporan awal terhadap Eusoff bagi rasuah pada 1998.

"Yang Amat Arif, apa yang membimbangkan ialah keadaan luar biasa dalam kes ini yang mendapat perhatian dan perbincangan umum berhubung dengan dakwaan terhadap Ketua Hakim Negara."

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu berkata kebimbangannya ialah sama ada Eusoff dalam melaksanakan tanggungjawabnya berani mencabar atau menyebabkan Perdana Menteri berasa tidak senang.

Anwar meneruskaj hujah dengan menarik perhatian kepada beberapa pertemuannya dengan Eusoff dan perbincangan berhubung dengan badan kehakiman dan menyentuh beberapa kes membabitkan Ketua Hakim Negara.

Eusoff berkata apa yang dibangkitkan oleh Anwar dalam permohonannya tidak ada kena-mena dengan rayuan kerana ia cuma membabitkan fakta undang-undang.

"Kamu mendapat khidmat peguam terbaik di negara ini...bukan kami meragui keintelektual kamu, saya berpendapat kamu memang memiliki kecerdikan. Ini sesuatu yang harus dimanfaatkan dengan baik oleh peguam..

"Sebab inilah kamu harus diwakili supaya kamu tidak bersikap emosi," kata Eusoff sambil berkata Mahkamah Persekutuan bulan lepas membuat keputusan bahawa peguam tidak harus bertindak bagi pihak rakan-rakan dalam profesion yang sama.

Anwar, dalam jawapannya berkata beliau bimbang bahawa Eusoff mungkin bersikap berat sebelah terhadapnya kerana hubungan kerja beliau (Eusoff) yang rapat dengan Dr Mahathir.

Eusoff memberi jaminan bahawa apabila mahkamah mendengar kes, ia akan membuat keputusan mengikut undang-undang dan berdasarkan rekod yang dikemukakan kepada mahkamah dan bukan berdasarkan unsur dari luar.

"Saya memberi jaminan bahawa apabila mahkamah mendengar kes, mahkamah

tidak mengambil kira sama ada orang terbabit adalah kawan atau lawan," kata beliau.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah telah dua kali mencelah semasa Anwar berhujah dan meminta mahkamah tidak membenarkan beliau (Anwar) berhujah memandangkan dakwaan itu tidak berasas dan telah ditolak oleh Eusoff.

Mohtar yang mengetuai pasukan pendakwaan berkata perkara yang lebih rumit akan timbul jika mahkamah membenarkan Anwar meneruskan hujahnya.

Anwar dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja membuat rayuan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi tidak memanggil Dr Mahathir untuk memberi keterangan.

Mahkamah akan mendengar rayuan itu esok.

Anwar dan Sukma telah memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya memanggil Dr Mahathir memberi keterangan sebagai saksi pihak pembela atas sifat peribadi beliau tetapi permohonan itu ditolak oleh hakim Datuk Arifin Jaka.

Pada 5 Jun, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Arifin selepas menerima hujah Mohtar bahawa keputusan Arifin dalam soal itu tidak boleh dirayu kerana ia bersifat muktamad.

Anwar, 52, dituduh bersama Sukma, 39, atas tuduhan berasingan meliwat bekas pemandu keluarga itu, Azizan Abu Bakar, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, ahli perniagaan menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, 39, di tempat dan masa yang sama.

Mahkamah Tinggi telah menetapkan Jumaat ini (4 Ogos) untuk membuat keputusan dalam kes itu.

-- BERNAMA

NHD JA AHH FAZ